0747
U 0595 BAH
MAHATHIR - PILIHAN RAYA

KUALA KUBU BAHARU, 19 DIS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI BERKATA LAWATAN BELIAU KE SELURUH NEGARA TIADA KENA-MENGENA DENGAN SOAL UNTUK MENGADAKAN PILIHAN RAYA UMUM.

BELIAU BERKATA MEMANG ADA PIHAK BERHARAP BAHAWA LAWATAN ITU ADA KAITAN DENGAN PERSIAPAN BAGI MENGHADAPI PILIHAN RAYA.

+ ... LUPAKAN SAJALAH, LAMBAT LAGI... KITA TIDAK ADA RANCANGAN UNTUK MENGADAKAN PILIHAN RAYA,+ KATANYA PADA PERJUMPAAN DENGAN KAKITANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR DI DEWAN ORANG RAMAI SUNGAI CHOH, DEKAT SINI. BELIAU DALAM RANGKA LAWATAN SEHARINNYA KE DAERAH HULU SELANGOR.

KATANYA, LAWATAN KE DAERAH-DAERAH ITU IALAH SEBAGAI SATU USAHA UNTUK MENINJAU KEMAJUAN PEMBANGUNAN SERTA MENGADAKAN PERHUBUNGAN YANG LEBIH RAPAT DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI YANG DIBERI TUGAS UNTUK MELAKSANAKAN RANCANGAN-RANCANGAN ITU.

DAERAH HULU SELANGOR MERUPAKAN DAERAH PERTAMA YANG DILAWATINYA DALAM SIRI LAWATAN KE DAERAH-DAERAH DI SELURUH NEGARA. -- LAGI
1945MST 19 12 88

0749
U 0596 BAH
MAHATHIR - PILIHAN RAYA 2 KUALA KUBU BAHARU

BELIAU SETERUSNYA BERKATA HUBUNGAN YANG RAPAT ANTARA KERAJAAN DAN KAKITANGANNYA PERLU BAGI MEMUDAHKAN PELAKSANAAN SESUATU DASAR KERAJAAN.

KATANYA, KERAJAAN DIPILIH OLEH RAKYAT DAN KERAJAAN MEMBENTUK DASAR UNTUK PEMBANGUNAN NEGARA TETAPI PEMBANGUNAN ITU DILAKSANAKAN OLEH KAKITANGAN KERAJAAN.

+JADI KALAU KITA MEMPUNYAI HANYA KERAJAAN YANG DIPILIH TETAPI TIDAK MEMPUNYAI PEGAWAI YANG HENDAK MELAKSANAKAN RANCANGAN, MAKA PENTADBIRAN TIDAK MEMPUNYAI MAKNA DAN PEMBANGUNAN TIDAK DAPAT DICAPAI.+

+OLEH ITU, AMAT PENTING KERAJAAN YANG DIPILIH INI MENGADAKAN PERHUBUNGAN YANG RAPAT DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI YANG AKAN MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK SUPAYA MEREKA FAHAM AKAN HASRAT KERAJAAN YANG MEWAKILI RAKYAT DAN SECARA TIDAK LANGSUNG, PEGAWAI AKAN FAHAM KEHENDAK RAKYAT,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA SELAGI RAKYAT MEMILIH SESUATU KERAJAAN MAKA APA YANG DIBUAT OLEH KERAJAAN HENDAKLAH DIANGGAP SEBAGAI KEHENDAK RAKYAT DAN DI DALAM NEGARA YANG DEMOKRATIK, KEHENDAK RAKYATLAH YANG UTAMA.
-- LAGI
1949MST 19 12 88

0750
U 0597 BAH
MAHATHIR - PILIHAN RAYA 3 KUALA KUBU BAHARU

MENGENAI PERSYARIKATAN MALAYSIA DAN DASAR PENSWASTAAN, BELIAU BERKATA MATLAMAT AKHIRNYA IALAH UNTUK MEMPERTINGKATKAN TARAF HIDUP RAKYAT DI NEGARA INI.

YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI BESAR SELANGOR, DATUK MUHAMMAD HAJI MUHAMMAD TAIB, DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, ENCIK ABDUL HALIM ABDUL RAOF, SERTA BEBERAPA ORANG ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN ANGGOTA PARLIMEN DARI NEGERI SELANGOR. -- BERNAMA
1950MST 19 12 88